

# 'Tidak guna kuasa nuklear jika tak selamat'

BH - 23/1/2019 m/s: 4

**Malaysia** tidak akan beralih menggunakan nuklear sebagai sumber tenaga selagi tiada penemuan sains dan teknologi yang benar-benar membebaskannya daripada ancaman radioaktif.

Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata setakat ini belum ada kepakaran yang benar-benar selamat merawat bahan dan sisa buangan nuklear.

"Bahan buangan yang terhasil daripada nuklear dan loji tenaganya amat bahaya serta sukar menghapuskannya.

"Selagi tiada penemuan sains yang selamat untuk nuklear, kita menyatakan tidak untuk guna tenaga nuklear," katanya ketika sesi dialog bersama warga Malaysia yang tinggal di Austria dan Republik Slovakia, di sini, petang kelmarin.

Lebih 100 diaspora Malaysia menghadiri pertemuan itu sempena lawatan kerja tiga hari Perdana Menteri ke Austria.

Dr Mahathir berkata, Malaysia pernah menjual amang kepada syarikat Jepun bagi mengeluarkan televisyen warna daripada bahan radioaktif yang terhasil daripadanya.

"Tapi sekarang (pengeluaran) TV (sudah) bertukar kepada teknologi LED dan Jepun tidak memerlukan lagi amang.

"Namun bahan itu berbahaya dan kita agak lama berbeza pendapat dengan syarikat itu sehingga kita memperuntukkan kawasan seluas satu batu persegi untuk tanam sisa buangannya," katanya.